




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

22 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 641 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 212,970 kes. Sebanyak enam (6) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Tawau dan Keningau manakala Ranau dan Sandakan masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 608 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 202,074 orang. Manakala 2,021 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 772 orang di hospital, 1,231 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 23 orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 94 orang merangkumi 90 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 29 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 146 (49.32%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga (satu) 1 daerah
- Zon Merah 26 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Tidak banyak perubahan situasi jangkitan COVID-19 di Sabah berbanding semalam. Jumlah kes hari ini ialah (641) kes, penurunan kecil (-10) kes.
- b. Yang lebih membimbangkan ialah kes-kes sporadik yang semakin meningkat. Hari ini 41.3% daripada jumlah kes adalah kes-kes yang berlaku secara sporadik, pembawa virus tidak diketahui dan tempat jangkitan juga tidak dapat dipastikan. Lazimnya kes-kes sporadik berlaku di tempat awam atau khalayak ramai dan kelalalaian mengutamakan pematuhan SOP.
- c. Perlu diperingatkan bahawa vaksin tidak memberi perlindungan 100% daripada jangkitan. Malah tidak ada vaksin untuk apapun penyakit yang memberi jaminan kekebalan 100%.
- d. Adalah diperhatikan semakin ramai mereka yang telah memperolehi vaksin lengkap dijangkiti virus COVID-19. Cuma hampir keseluruhan mereka ini hanya mengalami gejala ringan ataupun tidak mengalami sebarang simptom.
- e. Kesimpulannya ramai diantara mereka ini mungkin sudah lalai mematuhi SOP kerana berandaian vaksin memberi perlindungan 100% daripada jangkitan. Sebagai ingatan mereka yang sudah memperolehi vaksin tidak terkecuali daripada mematuhi semua SOP bagi melindungi diri daripada jangkitan.
- f. Kota Kinabalu merekodkan jumlah kes yang paling tinggi hari ini dengan (70) kes, peningkatan (+23) kes berbanding semalam. Tetapi adalah juga diperhatikan bahawa (63) kes daripada 70 kes di Kota Kinabalu adalah kes-kes lewat daftar dua hari atau lebih setelah keputusan saringan diketahui. Di Tenom cuma (1) kes berlaku sepanjang 24 jam yang lalu, sementara (33) kes lagi adalah kes-kes lewat daftar 2 hari atau lebih. (26) kes daripada (51) kes di Lahad Datu juga merupakan kes lewat daftar. Secara keseluruhan (274) kes atau 42.7% daripada (641) kes hari ini adalah kes-kes yang lewat didaftar dua hari atau lebih lama.

- g. Kes-kes melalui Saringan Kontak Rapat masih menjadi penyumbang utama kepada jumlah kes harian di Sabah dan hari ini (312) kes atau 48.7%. Tetapi seperti yang dinyatakan lebih awal, kes-kes melalui Saringan Bergejala (sporadik) semakin bertambah, dan hari ini (265) kes atau 41.3%. Ini satu isyarat kepada masyarakat agar melipatgandakan usaha menjaga kesihatan diri serta mematuhi semua SOP. Setiap daripada kita sudah menjadi 'frontliners'.
- h. Saya menyeru kepada semua JPKK, Ketua Kampung dan pemimpin-pemimpin akar umbi lain membantu Kerajaan memastikan semua penduduk mematuhi SOP di kampung masing-masing.
- i. Daripada (641) kes yang dilaporkan hari ini, (62) kes adalah dalam Kategori 1, (557) kes atau 86.9% dalam Kategori 2, empat (4) kes dalam Kategori 3, satu (1) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5. (14) kes lagi masih dalam siasatan dan penilaian JKNS.
- j. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (312) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	4	0.62%
2	Bergejala	265	41.34%
3	Kontak	312	48.67%
4	Bersasar	1	0.16%
5	Lain-lain Saringan	59	9.20%
JUMLAH		641	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (21 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 21/10/2021	Catatan Kes 22/10/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	47	70	+23
2	Putatan	14	34	+20
3	Lahad Datu	33	51	+18
4	Pitas	7	20	+13
5	Kudat	45	56	+11
6	Kinabatangan	8	18	+10
7	Telupid	2	10	+8
8	Beluran	22	25	+3
9	Kalabakan	0	2	+2
10	Kota Marudu	38	39	+1
11	Tuaran	27	27	Mendatar
12	Penampang	15	15	Mendatar
13	Tongod	8	8	Mendatar
14	Nabawan	8	8	Mendatar
15	Tawau	25	8	-17
16	Kota Belud	60	47	-13
17	Keningau	40	27	-13
18	Papar	30	17	-13
19	Sipitang	30	17	-13
20	Beaufort	52	41	-11
21	Sandakan	23	13	-10
22	Tenom	43	34	-9
23	Ranau	33	26	-7
24	Kunak	9	2	-7
25	Kuala Penyu	8	4	-4
26	Tambunan	18	17	-1
27	Semporna	6	5	-1
JUMLAH		651	641	-10

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (8 Oktober – 21 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	33	27	0	10	70	893
Kudat	0	39	16	0	1	56	457
Lahad Datu	0	26	18	0	7	51	410
Kota Belud	0	22	21	0	4	47	824
Beaufort	0	24	15	0	2	41	354
Kota Marudu	0	12	18	0	9	39	454
Tenom	4	18	12	0	0	34	507
Putatan	0	6	28	0	0	34	288
Keningau	0	17	9	0	1	27	531
Tuaran	0	22	4	0	1	27	489
Ranau	0	10	12	0	4	26	570
Beluran	0	19	4	0	2	25	225
Pitas	0	9	9	0	2	20	314
Kinabatangan	0	7	9	0	2	18	197
Sipitang	0	5	12	0	0	17	163
Tambunan	0	10	7	0	0	17	189
Papar	0	4	11	0	2	17	318
Penampang	0	1	12	0	2	15	376
Sandakan	0	0	8	0	5	13	284
Telupid	0	7	3	0	0	10	134
Tawau	0	2	4	0	2	8	249
Nabawan	0	6	2	0	0	8	97
Tongod	0	7	0	1	0	8	78
Semporna	0	1	1	0	3	5	79
Kuala Penyu	0	3	1	0	0	4	51
Kunak	0	2	0	0	0	2	82
Kalabakan	0	0	2	0	0	2	30
JUMLAH	4	312	265	1	59	641	8,643

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tenom	Kluster Alab Senagang	4
Jumlah		4

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Alab Senagang - Tenom** merupakan kluster jenis komuniti. Kes indeks adalah wanita tempatan, 37, tinggal di Kg Alab Senagang, Tenom. Kes indeks disahkan positif COVID-19 di Hospital Tenom pada 14.10.2021 dan telah dimasukkan ke PKRC pada hari yang sama. Berdasarkan siasatan awal, penularan jangkitan disyaki berpunca daripada upacara pengebumian ibu mertua kepada indeks kes. Pada 10 Oktober 2021, ibu mertua kes yang meninggal dunia disebabkan COVID-19, telah dibawa balik ke Kg Senagang pada 11 Oktober 2021. Seramai 20 ahli keluarga dilaporkan berkumpul semasa jenazah di bawa pulang ke rumah kes namun siasatan lanjut masih dijalankan. Daripada 88 saringan, 50 kes didapati positif termasuk empat (4) kes baharu pada hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,328 unit

- Hospital 1,920 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,938 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 32.06%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 22 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	638
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
Jumlah	641

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	618
Bukan Malaysia	23
Jumlah	641

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	130
Belum Menerima Vaksin	98
Menerima 1 Dos	13
Lengkap 2 Dos	400
Jumlah	641

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	64
6 to 11	64
12 to 17	20
18 to 25	80
26 to 59	358
>60	53
Jumlah	641

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 22 Oktober 2021)
Tiada PKPD		

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **658,957** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,190 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 13 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 10 Orang : Aktiviti Pusat Hiburan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 141 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 25 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat di bawah Akta Kastam 1967.

- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,089 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak lima (5) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 496 premis perniagaan dan 827 individu di 18 kawasan. Empat (4) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Zoso Music Sdn. Bhd. Aeropod KK (2 Orang), Restoran Siti Rohani, Bukit Emas Batu 7½ (1 Orang) dan Android Tv, Batu 7½ (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 339 Premis Perniagaan melibatkan 212 anggota APM. Sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 130 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 11 premis, melibatkan enam (6) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 101 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 273 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98.5%
2	Penampang	98.5%
3	Kota Marudu	98%
4	Keningau	98%
5	Tenom	98%
6	Ranau	98%
7	Kunak	98%
8	Beluran	98%
9	Beaufort	98%
10	Tuaran	98%
11	Papar	97.5%
12	Semporna	97.5%
13	Kota Belud	97.5%
14	Lahad Datu	97.5%
15	Tawau	97.5%
16	Sandakan	97.5%
17	Kota Kinabalu	97.5%
18	Kinabatangan	97%
19	Kudat	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II